

DIKIR PAHANG

DISEDIAKAN OLEH

MOHAMED SAHAR BIN ADAM

(84859565)

DIPLOMA SENI MUZIK

KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurniaNya kajian ilmiah untuk memenuhi kehendak Kajian Seni Lukis dan Seni Reka ini mengenai 'Dikir Pahang' dapat disiapkan.

Dalam usaha menyiapkan latihan ilmiah ini, saya sangat terhutang budi kepada Encik Nazri bin Ahmad, Pensyarah Kanan di Institut Teknologi Mara, yang menjadi penasihat saya. Di atas bimbingan, teguran dan perangsang yang diberikan, saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga.

Kepada informan-informan yang menyumbangkan tenaga dan sanggup meluangkan masa untuk ditemuramah izinkan saya melahirkan penghargaan yang tidak terhingga.

Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancungan Negeri Pahang atas sumbangan yang telah diberikan.

Akhir sekali, terima kasih kepada kakak saya, Cik Suhailiza Hanim bt. Adam atas kesanggupannya menaip tesis ini.

1hb. Ogos, 1988

**Mohamed Sahar bin Adam
D.I.M.
Institut Teknologi Mara,
Shah Alam**

KANDUNGAN

Mukasurat

PENGHARGAAN

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1	-	2
1.2	Asal Usul Dikir Pahang	2	-	5
1.3	Tujuan Kajian	5	-	6
1.4	Sebab-sebab Kemerosotan	6	-	9
1.5	Masalah	9	-	10
1.6	Kaedah Kajian			10

BAB 2 KESENIAN MELAYU DI SEMENANJUNG MALAYSIA

2.1	Permainan Kesenian Melayu	11	-	12
2.2	Permainan Berunsur Ritual	12	-	14
2.3	Permainan Berunsur Agama	14	-	16
2.4	Permainan Berunsur Hiburan	16	-	17
2.5.1	Erti Dikir	17	-	18
2.5.2	Teks	18	-	19
2.5.3	Para Pendikir	19	-	20

BAB 3 PERSEDIAAN

3.1	Gendang	21	-	22
3.2	Cara Membuat Rebana	22	-	23
3.3	Menjaga Rebana	23	-	24
3.4	Status Pendikir			24
3.5	Berguru	24	-	25
3.6	Cara Persembahan	25	-	27
3.7	Cara Menggunakan Rebana	27	-	29
3.8	Tepukan	29	-	30
3.9	Kedudukan Para Pendikir Masa Berdikir	30	-	31
3.10	Pantun-pantun Yang Digunakan	31	-	34
3.11	Layanan Masa Berdikir	34	-	35

BAB 4 PETUA-PETUA DAN AMALAN MENJAGA SUARA

4.1	Memperbaiki Suara			36
4.2	'Hurah' atau 'Bergurah'	36	-	37
4.3	'Perah' atau 'Berperah'	37	-	38
4.4	Memulihkan Gurah dan Berperah			38
4.5	Berpantang	38	-	39
4.6	Amalan dan Petua Sampingan	39	-	40

BAB 5 PENUTUP

5.1	Kesimpulan	41	-	42
5.2	Syor	42	-	46

LAMPIRAN A	47	-	53
------------	-------	----	---	----

LAMPIRAN B	54	-	55
------------	-------	----	---	----

BIBLIOGRAFI				56
-------------	-------	--	--	--	----

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Di negeri Pahang, Dikir Pahang¹ ini dikenali dengan nama Dikir Rebana.² Ia merupakan sejenis permainan muzik tradisional Melayu Pahang, yang popular di kalangan masyarakat Melayu yang tinggal di sepanjang Sungai Pahang, pada suatu masa dahulu. Sekarang ini ia kebanyakannya dimainkan oleh golongan tua.

Dikir Pahang merupakan satu persembahan etnik dan 'folk' secara nyanyian dan muzik istiadatan, yang mempunyai unsur-unsur tradisi lisan.³ Tradisi lisan di sini bermaksud cara persembahannya yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi, seniman-senimannya adalah seniman rakyat dan persembahan Dikir Pahang itu sendiri telah menjadi popular di kalangan rakyat. Di samping itu pula persembahannya bersifat non-komersial. Disebabkan ciri-ciri inilah penulis cuba meletakkan persembahan Dikir Pahang ini sebagai satu daripada seni tradisional yang menjadi hak milik masyarakat Melayu.

-
1. Mohd. Taib Osman, **Tradisional Drama and Music of Southeast Asia**, Dewan Bahasa dan Pustaka, K. Lumpur, 1974, hal. 316 - 318. Ia menggunakan istilah Zikir Pahang. Menurut sumber-sumber yang diketahui, Dikir Pahang ini adalah nama yang baru diberi untuk membezakan Dikir Pahang dengan dikir-dikir lain.
 2. Perkataan rebana datangnya dari alat rebana sejenis gendang yang digunakan masa persembahan.
 3. Mohd. Taib Osman, **Tradisi Lisan di Malaysia**, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Malaysia, hal. 121.

Permainan ini merupakan nyanyian yang dilagukan dalam bahasa Arab, dari kitab "Majmua Maulud Syaraful Anam". Pendikir-pendikrnya bergilir-gilir mengikut irama dengan iringan tepukan rebana. Ianya dinyanyikan dengan tujuan memuji-muji Allah dan Nabi Muhammad s.a.w.

1.2 Asal Usul Dikir Pahang

Adalah satu perkara yang sukar untuk menentukan bagaimana dan bila timbulnya Dikir Pahang ini. Tiadanya bukti dan tulisan tentang sejarahnya merumitkan penulis untuk membuat penyelidikan. Walaupun begitu ada satu cerita menarik tentang asal usul Dikir Pahang yang diceritakan oleh Haji Hasanuddin bin Mohammad dari Kampung Berhala Gantang, Temerloh, Pahang.

Beliau mengatakan bahawa Dikir Pahang berasal dari Betawi (Jakarta), Tanah Jawa dan dibawa ke Gantang, Temerloh. Dari sinilah dipercayai Dikir Pahang (dulunya Dikir Rebana) ini tersebar ke seluruh negeri Pahang, ke sebahagian negeri Terengganu dan Kelantan.

Menurut Haji Hasanuddin lebih kurang dalam kurun ke-16 (tahun 1000 Hijrah) ada seorang bernama Shahabuddin bin Zainal Abidin⁴ yang berasal dari Pagar Ruyong, Minangkabau tetapi telah menetap di Berhala Gantang. Pada masa itu datang seorang guru agama

4. Kubur Shahabuddin bin Zainal Abidin dikatakan terdapat di Kg. Berhala Gantang, Temerloh. Beliau dianggap keramat. Haji Hasanuddin mendakwa dirinya adalah keturunan keramat ini.